

Akan menjadi sebuah kerajaan lebih baik
dari sebelumnya - Pairin

Harapan PM kepada PBS

KUALA LUMPUR 6 Mei 1985
Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berharap kerajaan baru Sabah di bawah pimpinan Parti Bersatu Sabah (PBS) akan menjadi sebuah kerajaan yang lebih baik dari kerajaan sebelumnya.

Harapan itu telah disampaikan oleh Perdana Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Pairin Kitingan dalam perjumpaan di pejabat Perdana Menteri petang ini.

Datuk Pairin ketika bercakap kepada para pemberita selepas perjumpaan tersebut memberitahu Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Persekutuan akan terus memberi bantuan kepada kerajaan negeri itu seperti mana yang diberikan kepada kerajaan negeri yang dulu.

Menurutnya, Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat tidak akan campur tangan atau menghalang kerajaan baru Sabah dalam melaksanakan program - program pembangunannya.

"Perdana Menteri memberitahu saya bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberi layanan yang sama kepada kerajaan baru Sabah sebagaimana yang pernah diberikan kepada kerajaan yang lama.

"Adalah menjadi harapan beliau agar kerajaan baru PBS boleh menjalankan peranannya lebih baik dari dulu dan berjanji akan meneruskan bantuan untuk kebaikan Negeri Sabah dan negara ini," kata Datuk Pairin.

Sambil menyifatkan perjumpaannya dengan Perdana Menteri sebagai amat berfaedah, beliau berkata, perjumpaan tersebut juga telah memberi peluang kepadanya untuk membuat penjelasan tentang beberapa keraguan yang ditimbulkan di dalam akhbar - akhbar.

Katanya, hanya melalui perjumpaan seumpama dan menyampaikan maklumat - maklumat mengenai perjalanan pentadbiran negeri itu, akan wujud pemahaman yang jelas tentang perkara - perkara yang sedang dilaksanakan.

Menurutnya, Kerajaan Negeri Sabah akan, dari masa ke semasa, membuat laporan secara terus kepada Perdana Menteri mengenai usaha - usaha di negeri itu dan akan meminta nasihat Kerajaan Pusat dalam perkara - perkara tertentu jika perlu.

Datuk Pairin menegaskan bahawa adalah penting hubungan di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan dilakukan juga secara peribadi.

Oleh itu, kata beliau, Kerajaan Sabah akan terus menyalurkan maklumat mengenai dasar dan projek - projeknya kepada Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa kerana kerajaan PBS tidak mempunyai sebarang dasar yang bercanggah dengan dasar kerajaan Barisan Nasional.

(LIHAT MUKA 6

Oleh itu, kata beliau, Kerajaan Sabah akan terus menyalurkan maklumat mengenai dasar dan projek - projeknya kepada Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa kerana kerajaan PBS tidak mempunyai sebarang dasar yang bercanggah dengan dasar kerajaan Barisan Nasional.

Katanya, kerajaan PBS juga mempunyai matlamat yang sama dengan Barisan Nasional di Semenanjung iaitu untuk menuju ke arah kemajuan, kestabilan, keadaan ekonomi yang kukuh dan kedudukan perkhidmatan awam yang seimbang.

Beliau menegaskan tentang sikap terbuka kerajaannya yang tidak mempunyai sebarang helah untuk disembunyikan dan tidak ada sebarang perkara yang perlu ditakutkan.

Datuk Pairin memberitahu, beliau mencrangkan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir mengenai tuduhan bahawa para pegawai kerajaan telah ditukar secara sewenang - wenang dan mengulangi bahawa tuduhan tersebut adalah tidak benar.

Menurutnya, kerajaan PBS telah menunjukkan bahawa ia menerima orang - orang Islam ke dalam parti dan kerajaannya dan beliau telah memberi jaminan kepada Perdana Menteri ba-

hawa PBS akan bertindak adil kepada semua pihak di negeri itu.

Katanya, beliau percaya rakyat beragama Islam di Sabah tidak mempunyai sebarang sebab untuk merasa bimbang kerana "saya bukan mentadbirkan negeri yang terdiri dari satu kaum tetapi untuk seluruh masyarakat."

Beliau mengakui bahawa terdapat pihak-pihak yang memang cuba memainkan sentimen ini "tetapi perkara tersebut akan diatasi."

Menurut Datuk Pairin, anggapan bahawa kerajaan PBS tidak diterima oleh masyarakat Islam adalah kenyataan yang melulu.

"Walaupun beberapa orang menteri didapati masih baru, saya tidak fikir rakyat perlu bimbang.

"Pada saya walaupun beberapa orang menteri itu agak baru dalam politik tetapi mereka mempunyai kewibawaan untuk menjalankan tanggungjawab masing - masing," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau

menambah, adalah terlalu awal bagi sesiapa membuat kritikan terhadap mereka sekarang.

Mengenai cadangan supaya kerajaan memikirkan semula peruntukan yang membolehkan kerajaan memerintah melantik enam orang anggota Dewan Undangan Negeri, Datuk Pairin berkata, buat masa ini perkara itu tidak perlu dikaji.

Katanya, peruntukan ini tidak mempunyai kebaikan atau keburukannya pada masa ini.

Bagi parti yang memerintah, tambah beliau, ia mungkin membawa kebaikan kerana boleh memberi peluang menambahkan bilangan anggotanya dalam Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, tegas beliau, sistem tersebut telah digunakan pada masa - masa lalu dan tidak ada sebab ia perlu ditarik balik buat masa sekarang.

Ditanya mengenai masalah yang timbul berhubung dengan peruntukan tersebut